

PRESTASI


Rancangan Korporat 2023 – 2025 yang bertemakan “Merealisasikan Kesediaan”, mencerminkan hasrat strategik kami untuk mempergiatkan tumpuan terhadap kesediaan untuk melaksanakan resolusi dengan mempertingkatkan persediaan dalaman PIDM, serta kesediaan kolaborasi bersama pihak berkepentingan untuk menyelesaikan institusi ahli yang bermasalah secara efektif. Rancangan Korporat bagi tempoh tiga tahun ini berteraskan tiga tonggak strategik bertujuan untuk mempergiatkan tumpuan PIDM terhadap kesediaan resolusi, memastikan sistem perlindungan konsumen kewangan kami kekal efektif dan juga melaksanakan transformasi digital secara efektif. Berikut adalah sorotan pencapaian utama kami pada tahun 2023 berdasarkan tiga tonggak strategik tersebut.

TONGGAK STRATEGIK 1: MEREALISASIKAN KESEDIAAN RESOLUSI DAN PENGURUSAN KRISIS

Mempergiat dan meningkatkan keupayaan PIDM untuk melaksanakan intervensi dan resolusi institusi ahli dengan mempertingkatkan lagi kesediaan resolusi dalaman PIDM, serta memastikan pihak berkepentingan utama dapat sedia bertindak dan menyokong PIDM secara efektif dalam pelaksanaan strategi resolusi ketika situasi krisis.

Bidang Keputusan Utama

- Memudahcara tindakan intervensi dan resolusi yang mantap dan efektif oleh PIDM
- Memperkukuh kebolehsesediaan institusi ahli dan mempertingkatkan kesediaan penyedia perkhidmatan
- Pengaturan pengurusan krisis yang efektif dalam kalangan peserta jaringan keselamatan kewangan



Pemacu Kos Utama

- Penghasilan *interagency crisis preparedness binder*
- Latihan simulasi krisis dan sesi perkongsian pengetahuan
- Rangka kerja kesediaan dengan penyedia perkhidmatan utama
- Simposium Resolusi Kebangsaan
- Inisiatif perancangan resolusi

Penambahbaikan kepada modal


- Modal insan
- Modal intelektual
- Modal pembangunan
- Modal sosial dan perhubungan

Mengetengahkan agenda perancangan resolusi dan kesediaan resolusi

Garis panduan perancangan resolusi. PIDM telah menerbitkan Garis Panduan Perancangan Resolusi untuk Anggota Penerima Deposit pada bulan September 2023. Garis Panduan tersebut menetapkan pendekatan PIDM terhadap perancangan resolusi dan keperluan yang relevan kepada bank ahli. Perancangan resolusi menghendaki bank ahli membangunkan keupayaan yang diperlukan untuk menyokong pelaksanaan resolusi yang teratur sekiranya ia tidak lagi berdaya maju. Pelaksanaan perancangan resolusi secara berfasa yang akan bermula pada tahun 2024, adalah selaras dengan pelaksanaan perancangan pemulihan yang diterajui oleh BNM. Pada tahun 2023, kami juga meneruskan sesi penglibatan dan taklimat mengenai perancangan resolusi.

Simposium Resolusi Kebangsaan yang pertama. Buat julung kalinya, kami telah berjaya menganjurkan Simposium Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Symposium – NRS*) pada bulan Oktober 2023 yang bertemakan, “Memperkasa Daya Tahan Melalui Perancangan Resolusi”. Simposium ini memaparkan beberapa sesi panel dan sesi *masterclass* yang dihadiri oleh 300 pakar kawal selia, pengamal industri (termasuk penyedia perkhidmatan) dan peserta industri dari dalam dan luar negara untuk berkongsi dan bertukar pandangan mengenai pengurusan resolusi dan perancangan resolusi institusi kewangan. Simposium ini telah mencapai objektif yang disasarkan untuk memudahcara wacana intelektual dan mendorong perbincangan tentang resolusi serta memupuk kerjasama yang lebih erat dalam kalangan pihak berkepentingan ke arah meningkatkan daya tahan sistem kewangan Malaysia melalui perancangan resolusi. Simposium ini juga bakal menjadi acara tahunan anjuran PIDM. Rujuk artikel Simposium Resolusi Kebangsaan 2023 di Bahagian ini untuk maklumat lanjut.





Terbitan Kajian Kes Resolusi. Bersempena dengan NRS, kami juga telah melancarkan satu terbitan Kajian Kes Resolusi yang mengupas kegagalan 25 institusi kewangan global dan pengalaman yang diperoleh daripada resolusi tersebut. Kajian kes ini menumpukan kepada kepentingan untuk mengambil iktibar daripada pengalaman lalu untuk meningkatkan persediaan menghadapi cabaran masa depan. Pengalaman daripada melaksanakan resolusi ke atas bank dan syarikat insurans yang bermasalah di peringkat global membolehkan kami memperoleh pandangan baharu, yang boleh disesuaikan mengikut situasi atau keperluan dalam negara.

Meneruskan usaha untuk mempertingkatkan persediaan krisis dan koordinasi antara agensi

Latihan simulasi dan sesi perkongsian pengetahuan. Kami telah menyempurnakan satu latihan simulasi bersama Lembaga Pengarah PIDM berdasarkan senario kegagalan rentas sempadan. Latihan ini bertumpu kepada pengaturan pengurusan krisis antara Lembaga Pengarah dan barisan Pengurusan berkenaan aliran maklumat, dan bidang utama yang perlu dibentangkan untuk menentukan hala tuju atau keputusan. Kami juga telah melaksanakan satu latihan simulasi *tabletop* bersama BNM yang merangkumi situasi yang membawa kepada intervensi awal, syarat penetapan institusi ahli yang tidak lagi berdaya maju dan pilihan resolusi, dengan tumpuan kepada koordinasi antara kedua-dua agensi. Di samping itu, kami juga telah menganjurkan sesi perkongsian pengetahuan antara agensi yang dihadiri oleh kira-kira 120 peserta daripada Kementerian Kewangan, BNM dan PIDM. Sesi ini menghimpunkan pakar-pakar antarabangsa yang berpengalaman dalam pengurusan krisis perbankan, termasuk penggubalan dasar dan pengalaman praktikal, yang telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai kerjasama domestik dan rentas sempadan yang efektif. Kami juga meneruskan pembangunan dan pengemaskinian *interagency crisis preparedness binder* melalui bengkel dan pembelajaran daripada latihan simulasi.

Mewartakan Peraturan Sistem Premium Berbeza

Semakan Peraturan Sistem Premium Berbeza. Peraturan Sistem Premium Berbeza yang disemak semula telah diwartakan pada bulan Julai 2023. Berikutan itu, aturan pelaporan peralihan telah dilaksanakan untuk memudahcara bank ahli memenuhi keperluan di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang dipertingkatkan sebelum ia berkuat kuasa pada tahun taksiran 2025. Nota Panduan Mengenai Pelaporan Peralihan di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang disemak semula telah diterbitkan sebagai panduan kepada bank ahli mengenai pengumpulan maklumat untuk petunjuk baharu bertumpuan resolusi bagi tahun taksiran 2023 dan 2024.

Memperkukuh kerjasama rentas sempadan

Memorandum Persefahaman. Kami telah memeterai dua Memorandum Persefahaman dengan Single Resolution Board (SRB), pihak berkuasa resolusi European Banking Union, dan dengan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia. Kerjasama ini akan meningkatkan lagi operasi dan kerjasama rentas sempadan, serta menggalakkan perkongsian amalan terbaik dan kepakaran dalam bidang resolusi.



PRESTASI


TONGGAK STRATEGIK 2: MENINGKATKAN KEYAKINAN TERHADAP SISTEM PERLINDUNGAN PIDM

Meluaskan pendekatan kesedaran awam PIDM dengan memanfaatkan tema literasi kewangan dan mengoptimumkan penggunaan saluran komunikasi digital PIDM untuk mempromosikan peranan PIDM sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan serta pihak berkuasa resolusi kebangsaan bagi institusi ahli PIDM.

Bidang Keputusan Utama

- Mengekalkan kesedaran, pemahaman dan advokasi yang kukuh dalam kalangan orang awam dan media
- Meningkatkan keberkesanan dan kerelevanan perlindungan dan peranan PIDM sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan

Ulasan Kewangan 2023: RM5.2 juta



- Menambah baik liputan perlindungan dan peranan PIDM
- Kesediaan orang awam dan media

Pemacu Kos Utama

- Aktiviti pengiklanan diteruskan dengan tumpuan berterusan kepada platform media sosial dan digital dengan perbelanjaan yang lebih rendah
- Kempen daya tahan kewangan – #SediaPayungKewangan, kolaborasi bersama Jaringan Pendidikan Kewangan dan program capaian Sabah
- Kajian penyelidikan tingkah laku
- Penganjuran dan kehadiran di forum dua hala dan pelbagai hala


Penambahbaikan kepada modal

- Modal insan
- Modal intelektual
- Modal sosial dan perhubungan

Mempertingkatkan kesedaran dan advokasi orang awam terhadap PIDM

Pencapaian lebih tinggi bagi tahap kesedaran awam dan tahap advokasi.

Kami telah menjalankan tinjauan kesedaran awam tahunan di seluruh negara melalui agensi penyelidikan bebas untuk menilai keberkesanan dan tahap kejayaan inisiatif kesedaran awam kami. Antara lain, tinjauan ini menilai tahap kesedaran dan advokasi orang awam tentang PIDM dan sistem perlindungan konsumer kewangan kami. Pada tahun 2023, kami telah mencatat tahap kesedaran awam sebanyak 86% (2022: 80%) dan tahap advokasi sebanyak 62% (2022: 59%), melepasi sasaran 75% dan 50% masing-masing bagi tahap kesedaran dan tahap advokasi.



Kempen #SediaPayungKewangan dan kolaborasi bersama Jaringan Pendidikan Kewangan.

Kami meneruskan kempen teras #SediaPayungKewangan (SPK) dan telah menyampaikan kandungan SPK sepenuhnya melalui platform digital dan media sosial pada tahun 2023. Kami juga memanfaatkan kandungan SPK yang sedia ada dengan adaptasi kepada video and artikel yang diterbitkan. Kami juga bekerjasama dengan penerbit dalam talian dan mempengaruhi kewangan untuk menghasilkan kandungan literasi kewangan baharu. Dari tahun ke tahun, kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan pada tahun 2023, kami telah berjaya memperoleh 18.9 juta jangkauan terkumpul bagi kandungan SPK, jauh melebihi sasaran jangkauan terkumpul kami iaitu 10 juta. Kami juga telah menganjurkan Cabaran FinFit (*Financial Fitness Challenge*) 2023 sebagai sebahagian daripada program teras dalam talian untuk kempen Bulan Literasi Kewangan anjuran Jaringan Pendidikan Kewangan pada bulan Oktober 2023.



Program capaian Sabah. Pada tahun 2023, kami telah memperluaskan program capaian kami ke Sabah dengan kerjasama beberapa rakan kongsi Jaringan Pendidikan Kewangan. Dengan kerjasama BNM, kami telah mengadakan sesi penglibatan dengan institusi ahli di Sabah. Kami juga mengambil bahagian dalam program Perkhidmatan Komuniti Bergerak bersama Kementerian Kewangan Sabah di Tenom dan Kunak. Bersama-sama dengan BNM, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Sabah, kami juga telah mengadakan hari terbuka mini literasi kewangan dan ceramah kewangan untuk para pelajar Fakulti Perniagaan, Perakaunan dan Kewangan, dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah.



Meneruskan kajian semula sistem perlindungan PIDM

Kajian tingkah laku. Kami menjalankan kajian penyelidikan tingkah laku tentang sikap pendeposit Malaysia dan risiko pengeluaran deposit secara besar-besaran (*bank run*) serta kesan media sosial terhadap tingkah laku konsumen kewangan ketika sesuatu krisis. Hasil kajian penyelidikan ini akan diguna pakai untuk menambah baik pelan komunikasi dan penglibatan dengan pihak berkepentingan, serta dasar awam yang relevan untuk sistem perlindungan yang lebih efektif.

Memanfaatkan hubungan antarabangsa untuk menambah baik pencapaian PIDM

Penglibatan dan penyertaan di peringkat antarabangsa. PIDM terus memainkan peranan aktif di peringkat antarabangsa dalam pelbagai forum bersama International Association of Deposit Insurers (IADI), International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS), Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (EMEAP), dengan tumpuan khusus terhadap bidang resolusi. Pada bulan Julai 2023, kami telah menganjurkan mesyuarat dua hala bersama Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia termasuk pembaharuan Memorandum Persefahaman. Kami juga memainkan peranan aktif dalam menyumbang kepada wacana dasar global dan serantau berhubung topik insurans deposit, skim jaminan insurans, resolusi dan pengurusan krisis sebagai ahli panel jemputan. Di peringkat antarabangsa, kami mempengerusikan Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan di bawah naungan Asia Pacific Regional Committee (APRC) IADI.




PRESTASI

TONGGAK STRATEGIK 3: MENJAYAKAN KESEDIAAN PIDM MELALUI KEBERKESANAN ORGANISASI, TRANSFORMASI DIGITAL DAN TADBIR URUS KUKUH

Membina asas yang kukuh untuk menghadapi perubahan dengan menerapkan asas budaya digital dan kelestarian dalam kalangan kakitangan dan melengkapkan mereka dengan kemahiran menerajui masa depan, menggunakan analitik data untuk meraih keputusan yang baik, merekayasa semula (re-engineering) proses operasi teras dan infrastruktur teknologi, serta memodenkan aplikasi sistem kami dengan pengukuhan keselamatan di samping mengekalkan tadbir urus yang kukuh dan operasi yang efektif.

Bidang Keputusan Utama

- Memastikan bakat dan keupayaan yang mantap serta memperkukuhkan budaya PIDM
- Memodenkan infrastruktur, proses dan keselamatan teknologi maklumat PIDM untuk memastikan kesediaan masa depan dalam memenuhi mandat kami
- Memanfaatkan aplikasi sistem dan analitik data untuk menambah baik kesediaan resolusi PIDM dan meningkatkan keberkesanan operasi
- Menerapkan ESG sebagai panduan dalam operasi PIDM



- Memodenkan infrastruktur, proses dan keselamatan teknologi maklumat
- Digitalisasi dan analitik data
- Menerapkan ESG sebagai panduan dalam operasi PIDM
- Lain-lain

Rujuk Ringkasan Prestasi Kewangan di seksyen ini untuk perbelanjaan pengurusan modal insan kami

Pemacu Kos Utama

- Inisiatif keselamatan siber
- Penggunaan Microsoft 365 (M365)
- Penghasilan polisi tadbir urus dan pengurusan data
- Biasiswa pendidikan dan inisiatif kelestarian

Penambahbaikan kepada modal

- Modal insan
- Modal intelektual
- Modal pembangunan
- Modal sosial dan perhubungan

Membina tenaga kerja yang bersedia menerajui masa depan

Peningkatan kemahiran dan latihan semula. Pada tahun 2023, kami meneruskan pelaksanaan rangka kerja pembelajaran dan pembangunan termasuk modul berkenaan kemahiran menerajui masa depan. Salah satu tumpuan utama bagi tahun 2023 adalah pendedahan kepada kaedah pemikiran tersusun (*design thinking*) untuk menggalakkan cara penyelesaian masalah secara inovatif. Pada masa yang sama, kami telah menjalankan program untuk meningkatkan tatacara celik digital dalam kalangan kakitangan dan kemahiran teknikal teknologi awan untuk kakitangan yang berkenaan. Program teknikal mengenai topik resolusi juga telah dianjurkan kepada seluruh kakitangan PIDM, untuk memastikan tenaga kerja yang siap-siaga untuk melaksanakan tindakan resolusi. Program kemasukan kakitangan baharu pula telah diperbaharui agar kakitangan baharu PIDM dapat menyesuaikan diri dan boleh menyumbang secara produktif. Di samping itu, kami juga meneruskan pelaksanaan program kepimpinan, tingkah laku dan kemahiran fungsian untuk kumpulan kakitangan yang dikenal pasti melalui platform berstruktur dan pembelajaran semasa kerja.



Mengembangkan tenaga kerja yang mahir dalam bidang resolusi

Penyempurnaan latihan kumpulan perintis Program Pelatih Resolusi. Kumpulan perintis Pelatih Resolusi yang memulakan latihan mereka pada tahun 2021 telah menamatkan latihan pada tahun 2023 dan kini memegang jawatan sepenuh masa di PIDM. Kami juga telah memulakan Program Pelatih Resolusi kumpulan kedua untuk lima pelatih resolusi baharu pada 2023.

Meneruskan usaha transformasi digital

Tadbir urus teknologi digital. Kami telah membangunkan Rangka Kerja dan Polisi Penggunaan dan Tadbir Urus Awan yang menjadi panduan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif pemodenan berasaskan awan. Kami juga telah memulakan pembangunan polisi tadbir urus dan pengurusan data yang komprehensif untuk meningkatkan standard dan amalan untuk pengurusan, penggunaan dan perlindungan data seluruh organisasi.

Pemodenan infrastruktur. Dalam membangunkan infrastruktur demi menerajui masa depan, kami telah membangunkan pelan hala tuju, rangka tindakan dan strategi migrasi bagi infrastruktur dan sistem kami. Ini termasuk penyediaan prasyarat untuk pelaksanaan M365, *Software-as-a-Services* (SaaS) dan *Platform-as-a-Services* (PaaS) untuk aplikasi korporat dan pengurusan tertentu bagi PIDM. Kami juga telah memulakan usaha pemodenan sistem kami seperti sistem pengurusan modal insan, bagi mengukuhkan lagi operasi pentadbiran, keupayaan analitik yang lebih baik untuk pihak pengurusan, dan memberikan pengalaman yang lebih baik kepada kakitangan PIDM.

Memperkukuh kedudukan keselamatan siber PIDM

Kedudukan keselamatan siber. Kami meneruskan usaha untuk memastikan kedudukan keselamatan siber kami berdaya tahan dengan pelaksanaan kawalan keselamatan siber yang memuaskan sambil memastikan keberkesanan kawalan ini. Kami mengekalkan Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 untuk tahun ketiga sejak 2021. Kami juga menjalankan latihan komprehensif seperti "Red Teaming", penilaian kerentanan, ujian penembusan, pancingan data e-mel dan latihan siber untuk menguji keberkesanan panduan respons insiden keselamatan maklumat kami sepanjang tahun 2023. Polisi dan prosedur yang sedia ada juga telah disejajarkan dengan prinsip *Zero Trust Architecture*, berikutan pengenalan penggunaan teknologi awan. Latihan-latihan tersebut telah dijalankan pada tahap yang lebih rumit dan sukar untuk meningkatkan kesedaran keselamatan siber dan keupayaan kakitangan kami. Susulan latihan-latihan ini, kami telah merangka pelan tindakan untuk menangani jurang yang dikenal pasti.

Meneruskan usaha untuk memperkukuh budaya dan nilai korporat PIDM

Penglibatan kakitangan. Usaha untuk memperkukuh nilai-nilai korporat telah diteruskan melalui program penglibatan kakitangan termasuk perhimpunan bulanan, sesi *town hall* suku tahunan, Hari Keluarga PIDM, *Merdeka Discovery LRT Treasure Hunt*, karnival kesihatan dan kesejahteraan, pelbagai acara anjuran Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM, serta ceramah motivasi dan latihan kesedaran seluruh organisasi. Program penglibatan ini telah disepadukan secara teliti dengan nilai-nilai teras, serta elemen digital dan kelestarian PIDM.



Kelestarian dan Tanggungjawab Sosial Korporat. Pada tahun 2023, kami menjalankan aktiviti di peringkat dalaman dengan memberi tumpuan kepada tema kitar semula yang telah mendapat penyertaan yang menggalakkan daripada kakitangan PIDM. Antara lain, kami menerapkan elemen kelestarian alam sekitar ketika Hari Keluarga PIDM, seperti sesi taklimat tentang kehidupan sifar sisa, demonstrasi fizikal tentang kitar semula plastik dan pengumpulan barangan kitar semula daripada kalangan keluarga kakitangan. Kami juga menjalankan kempen dalaman untuk kakitangan menderma pakaian terpakai yang masih elok untuk dipakai semula atau dikitar semula dan berjaya mengumpul pakaian seberat 1,200kg. Satu kempen dalaman untuk kakitangan mengumpul sisa elektronik juga telah dijalankan bagi mewujudkan kesedaran dan memudahcara pelupusan jenis sisa tersebut dengan cara yang betul.

Rancangan Korporat 2023 – 2025: Melangkah ke Hadapan

Tahun 2024 merupakan titik tengah pencapaian Rancangan Korporat PIDM 2023 – 2025 tiga tahun dalam memastikan aspirasi untuk merealisasikan kesediaan pada tahun 2025 tercapai. Rujuk Bahagian III untuk tinjauan rancangan kami pada tahun 2024.